

DATE: 30/10/2009

Membolehkan tindakan sewajarnya diambil terhadap penjenayah perang Keputusan dihantar ke PBB

KUALA LUMPUR 29 Okt. – Pertubuhan Keamanan Sedunia Perdana (PGPO) akan menghantar keputusan Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur (KLWCT) kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi membolehkan tindakan sewajarnya diambil terhadap penjenayah-penjenayah perang tersebut, kata Pengerusi PGPO, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Katanya, KLWCT akan bersidang mengikut peraturan yang diterima pakai oleh tribunal-tribunal jenayah perang yang ditubuhkan di seluruh dunia untuk memastikan keputusan tribunal ini dapat dikuatkuasakan.

“Setiap prosedur yang diguna pakai oleh tribunal-tribunal lain akan juga diaplikasikan oleh KLWCT bagi memastikan ia merupakan dokumen yang sah dan boleh dikuatkuasakan sepenuhnya oleh badan-badan yang mempunyai kuasa untuk menguatkuasakan hukuman terhadap mereka yang didapati bersalah oleh sesebuah tribunal,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar pada hari terakhir Persidangan Antarabangsa Menjenayahkan Perang anjuran PGPO di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Suruhanjaya Jenayah Perang Kuala Lumpur (KLWCC) akan bersidang esok bagi mendengar keterangan daripada bekas tahanan Teluk Guan-



DR. Mahathir Mohamad bersama isteri, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali serta ahli barisan panel Persidangan Antarabangsa Menjenayahkan Perang di PWTC, Kuala Lumpur, semalam.

tanamo iaitu Tipton Three, Moazzam Begg dan Sami Al Hajj yang dipengerusikan oleh Zainur Zakaria, seorang peguam terkenal negara.

Suruhanjaya itu turut dianggotai oleh Profesor Hans Cristor Von Sponeck (Amerika Syarikat), Dennis Halliday (Ireland), Musa Ismail (Malaysia), Profesor Gurdial Nijar (Australia), Dr. Zulaiha Ismail (Malaysia) dan Profesor Dr. Mohd. Akram Shair Mohamed (Malaysia).

Tribunal Jenayah Perang Kuala Lumpur (KLWCT) pula akan dipengerusikan oleh bekas Hakim Mahkamah Persekutuan Malaysia, Datuk Abdul Kadir Sulaiman; peguam Tunku Sofiah Jawa; peguam antarabangsa terkenal AS, Francis Boyle; peguam terkenal Malaysia, Profesor Salleh Buang dan peguam dan pensyarah undang-undang terkenal India, Profesor Niloufer Bhagwat.

Dr. Mahathir memberitahu, setiap

prosedur yang berlaku di dalam KLWCC dan KLWCT akan didokumenkan mengikut standard antarabangsa bagi memastikan ia dapat diterima pakai dan dikuatkuasakan oleh badan-badan berkuasa di seluruh dunia.

Katanya, paling penting apabila penjenayah perang ini didapati bersalah, tribunal ini mahu agar mereka diboikot dan dilarang masuk ke negara-negara yang mengiktiraf tribu-

nal tersebut.

Sementara itu, PGPO bersedia untuk menjadi orang tengah bagi bekas tahanan Teluk Guantanamo mendapatkan suaka politik di Malaysia.

Katanya, pertubuhan itu akan mengadakan rundingan dengan kerajaan bagi memastikan bekas tahanan tersebut dapat dilindungi dan dapat meneruskan kehidupan yang lebih baik.

“Pada masa ini kebanyakan bekas tahanan ini mendapat suaka politik di Eropah dan tidak ada satu pun yang berjaya mendapat suaka politik di negara-negara Islam.

“Ini sesuatu yang amat menyedihkan, PGPO berharap kerajaan akan menimbangkan untuk memberi suaka politik kepada mereka,” katanya.

Sementara itu, beliau meminta pihak media untuk menyiarkan keterangan yang diberikan oleh bekas tahanan Teluk Guantanamo kerana ia penting untuk menyampaikan maklumat kepada orang ramai mengenai kekejaman yang berlaku di pusat tahanan haram tersebut.

Katanya, tindakan untuk tidak menyiarkan keterangan dan bukti-bukti tersebut akan menyebabkan orang ramai tidak mengetahui perkara sebenar.

“Pihak media tidak harus membuat tapisan dengan tidak menyiarkan berita tersebut kerana ia menghalang hak orang ramai untuk mengetahui perkara sebenar,” katanya.